



KANAK-KANAK bermain air banjir di Padang Melangit, Padang Besar, Perlis, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

156 mangsa terpaksa dipindahkan

Perlis dinaiki air

Oleh SHARILFUDDIN SAARI

utusanperlis@utusan.com.my

■ KANGAR 17 SEPT.

HUJAN berterusan sejak dua hari lalu mengakibatkan beberapa kawasan di negeri ini dinaiki air sejak malam tadi, menyebabkan seramai 156 mangsa terpaksa dipindahkan ke kawasan selamat, hari ini.

Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Melangit, Padang Besar, juga terpaksa ditutup berikutan air naik sehingga memasuki kelas.

Arahan pelepasan cuti selama sehari bagi sekolah terbabit dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan negeri pada pukul 8 pagi ini.

Pada masa sama, tiga pusat pemindahan mangsa banjir telah dibuka iaitu Dewan Kampung Panggas Besar, Dewan Setia, Kampung Padang Melaka, Batu Bertangkup (12 keluarga) dan Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri Mata Ayer (9 keluarga).

Sebanyak empat batang sungai utama di negeri ini kini berada di



Air kemudian semakin laju memasuki rumah dan kami serta jiran-jiran kemudian berpindah ke Dewan Setia, Kampung Padang Melaka, pukul 1.30 pagi."

OSMAN ISHAK
Penduduk kampung

tahap waspada dan menghampiri paras bahaya iaitu Sungai Pelarit merekodkan bacaan 38.6 meter; Sungai Jarum (33.3), Sungai Buluh (24.7) dan Sungai Batu Pahat (39.2).

Menurut penduduk di Kampung Air Timbul, **Osman Ishak**, 67, dia dan lima ahli keluarganya mendapati air dari Sungai Jernih terletak di belakang rumah mula memasuki kediamannya kira-kira pukul 11 malam tadi.

Katanya, dia kemudian bergegas menyelamatkan barang-barang ber-

harga terutama persiapan anaknya yang ingin melangsungkan perkahwinan bulan depan.

"Air kemudian semakin laju memasuki rumah dan kami serta jiran-jiran kemudian berpindah ke Dewan Setia, Kampung Padang Melaka, pukul 1.30 pagi," katanya.

Dalam pada itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri membuka empat daripada enam pintu Empangan Timah Tasoh yang bacaannya kini sudah mencatatkan 29 meter, menghampiri paras bahaya iaitu 29.60 meter.

Pengarah JPS negeri, **Ir. Abdul Najib Abdullah** berkata, hujan lebat yang diterima di seluruh negeri sejak dua hari lalu menyebabkan paras air di empangan itu dan sungai-sungai utama meningkat.

"Bagaimanapun kita melepaskan air di Empangan Timah Tasoh secara terkawal bagi mengelak berlaku limpahan air di sungai-sungai.

"Jika cuaca kembali panas dan aras air di sungai seperti biasa, barulah JPS akan melepaskan lebih banyak air di empangan," katanya ketika dihubungi di ini.